

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MESYUARAT**  
**BENDAHARI-BENDAHARI IPTA KALI KE 52/2009**  
**PADA 3 MEI 2009**  
**DI HOTEL PUTRA PALACE**

Bismillahirrahmanirrahim

Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Zailan Shaari, Timbalan Pengerusi Mesyuarat Bendahari-bendahari IPTA yang juga Bendahari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor Akakdemik dan Antarabangsa UniMAP.

Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP.

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua Jabatan UniMAP.

Bendahari- bendahari IPTA atau wakil

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera

Bunga sekuntum kembang simelur,  
Dikawal lebah tumbuhnya indah,  
Assalamualaikum salam dihulur,  
Menjalin hubungan mengerat ukhuwah.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah inayahnya, dapat kita sama-sama berhimpun dalam satu majlis makan malam meraikan ketibaan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya bagi pihak seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada tuan, puan di atas kesudian untuk hadir ke majlis makan malam yang tidak seberapa ini.

Sesungguhnya, majlis ini dianjurkan khusus untuk membolehkan kita bertemu mata dan berkenal mesra sebelum mengikuti sidang mesyuarat yang dijadualkan pada esok hari.

Saya amat berbangga kerana UniMAP buat kali keduanya telah terpilih untuk menjadi tuan rumah merangkap urusetia mesyuarat selepas kali terakhir menganjurkannya pada tahun 2005. Sebagai tuan rumah, insya Allah, kami akan lakukan sedaya mungkin untuk memudahkan urusan dan perjalanan mesyuarat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Mesyuarat ini merupakan medium untuk semua Bendahari dari 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini berjumpa dan bertukar fikiran tentang pekeliling-pekeliling lama dan baru berkaitan perbendaharaan.

Ini ternyata, satu medan terbaik untuk membolehkan IPTA senior dan IPTA junior berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menguruskan hal ehwal kewangan di institusi masing-masing.

Saya percaya, sedikit sebanyak, IPTA junior seperti UniMAP boleh memperoleh banyak ilmu pengetahuan baru terutama membabitkan kes-kes terpencil atau jarang berlaku melalui perbincangan dengan bendahari-bendahari IPTA lainnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tidak dapat dinafikan, sebagai sebuah universiti baru, kadang kala terdapat amalan-amalan yang tidak pernah digunakan oleh kami dalam pengurusan kewangan seharian.

Menguruskan kewangan bukanlah satu tugas yang mudah. Ini kerana, setiap perbelanjaan yang ingin dikeluarkan oleh pihak universiti haruslah diteliti tahap kepentingannya.

Apatah lagi dengan senario semasa kini dimana kita semua sedang diancam masalah kegawatan ekonomi yang sangat

parah dan kita mesti bersederhana dalam perbelanjaan bagi menjamin kesejahteraan.

Oleh itu, kita sebagai sebuah gedung pendidikan haruslah bijak membuat anggaran perbelanjaan bagi mengelak pembaziran dengan mempraktikkan amalan berjimat cermat dan teliti dalam menguruskan perbelanjaan selain mengutamakan nilai tambah.

Adalah menjadi harapan saya agar melalui mesyuarat ini anda semua akan dapat mencapai keseragaman dalam menguruskan hal ehwal kewangan selain saya turut mengharapkan universiti yang lebih senior dapat memberikan pandangan dan idea tentang cara menguruskan kewangan dengan berkesan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya difahamkan, tuan rumah meyuarat ini dipilih secara bergilir-gilir di mana setiap universiti akan berpeluang menjadi tuan rumah atau penganjur.

Melalui kaedah ini saya percaya, anda semua akan merasai sesuatu pengalaman yang baru dan tidak hanya terikat pada satu lokasi dan senario sekeliling yang sama sahaja.

Pepatah ada mengatakan : “Jauh perjalanan luas pandangan”. Justeru saya amat berharap perjalanan anda semua yang

agak jauh ini tidak melemahkan semangat untuk sama-sama berkongsi ilmu dan pengalaman pada esok hari.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kehadiran anda semua ke Perlis pada kali ini adalah bertepatan dengan waktunya memandangkan kami di Perlis kini sedang meraikan “Pesta Buah Mangga Harum Manis”.

Justeru, jangan lepaskan peluang anda untuk merasai keenakan buah mangga harum manis yang sememangnya amat sinonim dengan negeri Perlis dan hanya boleh diperoleh untuk tempoh yang singkat sahaja iaitu bulan April dan Mei.

Akhir kata, saya mendoakan perjalanan mesyuarat yang dijadualkan esok akan berjalan lancar dan memberi manfaat kepada semua yang hadir.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat Menjamu Selera.